

Headline	<b>Malaysia menang bidaan atas 23 negara</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>09. Sep 2008</b>	Page No	<b>23</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>200 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>	AdValue	



# Malaysia menang bidaan atas 23 negara

Skim Inisiatif Perdana Menteri Untuk Pendidikan Antarabangsa-United Kingdom 2 jadi saingan



DIRAI: Khaled bersama McCleary (tiga dari kiri) dan penerima PMI2 di Kuala Lumpur, semalam.

Oleh Syuhada Choo Abdullah  
[choobharian.com.my](http://choobharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Malaysia memenangi 34 bidaan berjumlah RM7 juta di bawah Skim Inisiatif Perdana Menteri Untuk Pendidikan Antarabangsa-United Kingdom 2 (PMI2), tahun ini, ini, mengatasi jumlah diraih 23 negara lain dari seluruh dunia.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata 16 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) memenangi 25 bidaan itu dalam bidang kerjasama penyelidikan, lapan program kolaboratif dan satu projek mobiliti pelajar.

Katanya, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaya (UM) menduduki tangga teratas dengan masing-masing memenangi tujuh bidaan, manakala IPTA lain ialah Universiti Putra

Malaysia (tiga), Universiti Teknologi Malaysia (tiga), Universiti Kebangsaan Malaysia (dua), Universiti Malaysia Sarawak (satu) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (satu).

Sambil menjelaskan jumlah kemenangan itu meningkat berbanding hanya satu bidaan pada tahun lalu, beliau berkata, secara keseluruhan Malaysia mengemuka-kan 206 bidaan.

"Proses pemilihan bidaan ini adalah sangat ketat dan pentuanan pemenanang dibuat berdasarkan kualiti mereka. Saya berharap kejayaan ini akan mendorong lebih banyak universiti lain untuk menyertai bidaan pada masa depan," katanya pada sidang media selepas meraikan kejayaan Malaysia dalam skim itu di sini, semalam.

Hadir sama Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Boyd McCleary, Ketua Pe-

**“Saya berharap kejayaan ini akan mendorong lebih banyak universiti lain untuk menyertai bidaan pada masa depan”**

**Mohamed Khaled Nordin**  
Menteri Pengajian Tinggi

ngarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi dan Pengarah British Council, Gerry Liston.

Melalui skim itu, Mohamed Khaled berkata, Kementerian Pengajian Tinggi juga berpeluang mempelajari pengalaman UK melaksanakan agenda pengantarabangsaan pendidikan.

"Ini kerana kita dalam proses memiliki institut penyelidikan Malaysia, kita boleh membuka bidaan kepada universiti lain di negara membangun di mana mereka perlu memilih universiti Malaysia untuk melaksanakan penyelidikan.

"Dengan cara itu, mereka akan memahami dan mengetahui kualiti sistem pengajian tinggi kita, sekali gus menarik minat pelajaran untuk melanjutkan pelajaran ke sini," katanya.

Sementara itu, McCleary berkata, bilangan bidaan di menangi Malaysia bukan saja terbanyak berbanding 23 negara lain terpilih memasuki senarai keutamaan PMI2, malah jumlah dana diraih juga terbesar.

Antara lain yang menyertai skim itu ialah Australia, Mexico, Brazil, Kanada, China, Russia, Singapura, Jepun, Amerika Syarikat, Korea, Thailand, Hong Kong, Taiwan, India dan Sri Lanka.